

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HSM 215 – Pensejarahan Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi **LAPAN** soalan dalam **DUA** muka surat.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Pilih **DUA** daripada Bahagian **A** dan **DUA** daripada Bahagian **B**.

Semua jawapan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A

1. Profesor John Bastin kurang yakin bahawa suatu sejarah Asia Tenggara (termasuk Malaysia) yang berpendekatan *Asia/Malaya-centric* dapat ditulis.

Dengan merujuk kepada mana-mana penulisan sejarah Malaysia, setujukah anda dengan pandangan tersebut?

2. Bincangkan keadaan-keadaan yang menyebabkan berlaku anakronisme dalam tradisi pensejarahan Melayu Tradisional.
3. "Undang-Undang Melayu sebenarnya boleh dikatakan sejarah pemikiran orang-orang Melayu" (Liaw Yock Fang). Dengan merujuk kepada **mana-mana satu** teks undang-undang Melayu lama, setujukah anda dengan kenyataan ini?
4. Bincangkan pandangan Frank Swettenham menerusi karyanya *British Malaya* terhadap sumbangan British dalam memberi kesejahteraan kepada penduduk Tanah Melayu dari sudut ekonomi dan politik.

Bahagian B

5. Akhbar *Al-Imam* telah membawa pendekatan yang baru dalam perkembangan intelektual masyarakat Melayu. Bincangkan.
6. Bincangkan perkembangan nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dari sudut pandangan Radin Soenarno.
7. *Merintis Jalan Ke Puncak* oleh Ahmad Boestamam merupakan karya yang mencerminkan kegigihan dan kepentingan beliau dalam kegiatan politik radikal. Sejauh manakah anda bersetuju?
8. Bandingkan pensejarahan kolonial Sabah **atau** Sarawak dengan pensejarahan kolonial Semenanjung Tanah Melayu.